

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih HospeeFamily. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful", "Kami")
 Nama Produk : HospeeFamily
 Tarikh : 24 April 2020

1. Apakah produk ini?

HospeeFamily ialah produk Takaful berkelompok dengan caruman tunggal dengan tempoh perlindungan selama 3 bulan, yang menyediakan perlindungan kepada Orang yang Dilindungi dari segi manfaat harian bagi kemasukan hospital disebabkan oleh penyakit atau kecederaan, dan sejumlah manfaat kematian akibat kemalangan sebagai penumpang di dalam kenderaan persendirian atau awam. Manfaat yang sama turut diberikan kepada maksimum 2 orang ahli keluarga terdekat semasa kemasukan hospital dan kematian; disebabkan oleh kemalangan sebagai penumpang di dalam kenderaan persendirian atau awam.

2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?

- **Tabarru'**: Jumlah yang sanggup disumbangkan oleh Orang yang Dilindungi untuk kebaikan bersama semua peserta yang layak menerima manfaat tersebut apabila ditimpa kesusahan.
- **Wakalah bi al-Ujrah**: Kontrak agensi di mana:
 - (i) Orang yang Dilindungi melantik Kami untuk mengurus Dana Tabarru'.
 - (ii) Kami akan melaburkan wang tersebut mengikut prinsip *Wakalah bi al-Istithmar* (agensi pelaburan). Kami layak menerima upah tertentu seperti yang telah dipersetujui pada awal kontrak di atas perkhidmatan yang telah diberikan.
- **Ju'alah**: Dari sudut bahasa, ia adalah saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan. Dari sudut istilah, ia adalah kontrak untuk melaksanakan tugas yang diberikan dengan upah yang ditetapkan dalam tempoh tertentu. Konsep *Ju'alah* digunakan di dalam situasi di mana Lebihan Pengunderitan dikongsi antara Orang yang Dilindungi dan Kami. Hak untuk mendapat Lebihan Pengunderitan adalah bergantung kepada pelaksanaan tugas dengan lengkap dan yang diperolehi. Namun, bahagian yang diagihkan kepada Orang yang Dilindungi akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami disebabkan ciri produk ini yang berjangka pendek dan jumlah yang dianggarkan mungkin terlalu kecil untuk diedarkan kepada Orang yang Dilindungi.
- **Mudharabah**: Perkongsian keuntungan di antara Orang yang Dilindungi dan Kami ke atas pulangan pelaburan dari Dana Tabarru' berdasarkan nisbah peratusan 50:50 masing-masing yang dipersetujui sebelumnya yang diagihkan selepas setiap tahun kewangan. Bahagian yang diagihkan kepada Orang yang Dilindungi akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami disebabkan ciri produk ini yang berjangka pendek dan jumlah yang dianggarkan mungkin terlalu kecil untuk diedarkan kepada Orang yang Dilindungi.
- **Qard** (Pinjaman): Pinjaman yang dikembalikan pada akhir tempoh yang dipersetujui tanpa faedah atau perkongsian dalam keuntungan atau kerugian daripada perniagaan. Bagi tujuan takaful, jika Dana Tabarru' mengalami defisit, Kami akan mengatur *Qard*. *Qard* tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderitan akan datang dari Dana Tabarru'.

Nota: Dana Tabarru' merupakan kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara Orang yang Dilindungi yang digunakan untuk membantu semua Orang yang Dilindungi seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

Manfaat bagi Orang yang Dilindungi

- | | | |
|---------------------------------------|---|--------------|
| • Manfaat Tunai Hospital | : | RM 50 sehari |
| • Manfaat Kematian Akibat Kemalangan* | : | RM 1,000 |

Manfaat Bantuan Keluarga (Manfaat bagi Ahli Keluarga Terdekat Orang yang Dilindungi)

- | | | |
|---|---|--------------|
| • Manfaat Tunai Hospital Akibat Kemalangan* | : | RM 50 sehari |
| • Manfaat Kematian Akibat Kemalangan* | : | RM 1,000 |

Tempoh Perlindungan	:	3 bulan
---------------------	---	---------

Nota:

- a) *Manfaat kemalangan yang dinyatakan akan dibayar disebabkan sebagai penumpang dalam pengangkutan persendirian atau awam.

- b) ^Manfaat Bantuan Keluarga adalah terpakai sehingga 2 orang ahli keluarga terdekat yang berbeza – ibu bapa, pasangan atau anak;
- c) Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk pada Sijil Induk untuk butiran lanjut.
4. **Berapakah caruman yang saya perlu bayar?**
Caruman yang perlu anda bayar adalah RM 40. Jumlah caruman yang dinyatakan merupakan jumlah caruman tunggal bagi produk ini untuk perlindungan selama 3 bulan yang melindungi Orang yang Dilindungi dan 2 orang ahli keluarga terdekat.
5. **Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**
54.5% daripada Caj Pendahuluan atau RM 21.80 akan ditolak daripada Dana Tabarru' untuk membayar perbelanjaan berkaitan pengagihan termasuk perbelanjaan pengurusan. Caj Pendahuluan adalah termasuk 2% caj transaksi. Caruman yang dinyatakan dalam Soalan 4 di atas mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain, jika berkenaan.
6. **Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?**
- **Keperluan untuk Membuat Pendedahan** - anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
 - **Tempoh Rujukan Percuma** - anda boleh membatalkan Sijil dalam tempoh 15 hari selepas penghantarannya. Kami akan membayar balik caruman menyamai nilai caruman yang telah dibayar.
 - **Prosedur Tuntutan** – pemberitahuan hendaklah dibuat serta merta apabila berlakunya kemalangan atau dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam terma dan syarat bagi Sijil Induk. Borang tuntutan boleh didapati daripada laman web Kami. Anda mestilah menghantar borang tuntutan yang lengkap beserta dokumen yang diperlukan. Dalam hal ini, dokumen yang diperlukan mungkin berbeza mengikut jenis tuntutan. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang faedah.
 - **Eligibiliti** – anda mestilah merupakan rakyat Malaysia atau penduduk tetap di Malaysia, umur di antara 18 dan 50 tahun hari lahir berikutnya. Umur kemasukan hari lahir berikutnya bagi setiap Orang yang Dilindungi pada Tarikh Permulaan Risiko.
 - **Tempoh Menunggu** – kelayakan untuk manfaat di bawah Sijil bagi Manfaat Tunai Hospital yang dibayar kepada Orang yang Dilindungi; akan bermula 30 hari selepas tarikh permulaan Sijil ini bagi Kemasukan Hospital yang bukan disebabkan oleh kemalangan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Induk bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. **Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?**

Pengecualian untuk Manfaat Tunai Hospital

Tiada manfaat akan dibayar sekiranya penyakit adalah diakibatkan oleh kejadian-kejadian berikut:

- bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras;
- peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
- daripada penglibatan Orang yang Dilindungi dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom;
- penglibatan dalam pesawat udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa;
- disebabkan Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi;
- disebabkan Orang yang Dilindungi memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak akan terpakai jika Orang yang Dilindungi mempunyai lesen yang telah luput tetapi tidak dibatalkan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu tersebut di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan;
- di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh Pakar Perubatan;
- Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad kepada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Orang yang Dilindungi akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut;
- Alkohol, kemurungan, dadah haram, kemabukan, penyakit kelamin dan sekuelanya, kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan mengenai ketidaksuburan, ketidakfungsian Erektile dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan;
- Penyakit sedia wujud;

- sakit jiwa, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
- sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kehadiran jangkitan Virus Infeksi Manusia dan penyakit yang disebarkan secara seksual;
- sebarang Kemalangan disebabkan gigitan nyamuk, serangan cacing seperti "Cacing Kerawit" dan reaksi alahan terhadap gigitan serangga semasa Tempoh Menunggu;
- Kemasukan Hospital terutamanya untuk tujuan pemeriksaan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan, dan rawatan khususnya untuk mengurangkan atau menambah berat badan; atau
- radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.

Pengecualian untuk Manfaat Kematian Akibat Kemalangan/Manfaat Bantuan Keluarga

Tiada manfaat akan dibayar jika diakibatkan oleh kejadian-kejadian berikut:

- semasa menunggang jenis kenderaan seperti motosikal/e-motosikal, skuter, dan/atau basikal/e-basikal;
- sebagai penumpang dalam lif atau lif elektrik;
- sebarang bentuk penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam pesawat yang dilesenkan untuk membawa penumpang; atau
- sebagai penumpang dalam kereta kabel.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Induk bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkan saya membatalkan Sijil ini?

Anda boleh emel secara langsung kepada GreatAssist@greateastertakaful.com bagi permohonan pembatalan perlindungan pada bila-bila masa. Namun, anda tidak akan menerima pembayaran balik caruman apabila pembatalan dilakukan selepas 15 hari tempoh rujukan percuma.

9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dengan sepatutnya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang Takaful Keluarga dan Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk buku *infoinsurans* tentang Takaful Keluarga dan Takaful Perubatan dan Kesihatan yang relevan yang terdapat di semua cawangan Kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern
303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Emel : GreatAssist@greateastertakaful.com

Atau anda boleh hubungi:

SHOPEE MALAYSIA

Ibu Pejabat : Tingkat 25, South Point Tower
Lingkar Syed Putra, Mid Valley City
59200 Kuala Lumpur

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila semak dengan rakan kongsi Kami atau terus menghubungi Kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA SIJIL INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN JUMLAH CARUMAN DI BAWAH SIJIL INI ADALAH JUMLAH YANG ANDA MAMPU BAYAR. ANDA SEHARUSNYA BERPUASHATI BAHAWA SIJIL INI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN MENGHUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada 24 April 2020